

24 NOV 1999

P/RAYA: EJEN INSURAN HAYAT DIGESA SOKONG BN

KUALA LUMPUR, 24 Nov (Bernama) -- Persatuan Ejen-ejen Insuran Jaminan Pendapatan Hidup Melayu Malaysia (JAMIN) hari ini meminta 80,000 ejen insuran hayat di seluruh negara supaya memberi sokongan padu kepada semua calon Barisan Nasional (BN).

Yang DiPertua JAMIN Mohamad Zainuddin Abu Bakar berkata sokongan itu sebagai menghargai kesudian Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendengar rintihan persatuan itu semasa pemotongan komisyen dilakukan terhadap persatuan.

JAMIN turut mengucapkan terima kasih kepada kerajaan BN dan Bank Negara, yang baru-baru ini, telah meluluskan permintaan persatuan supaya komisyen yang dipotong itu dibawa ke hadapan iaitu dari 10 tahun ke enam tahun pertama.

"Dengan cara itu, sedikit sebanyak ia dapat meringankan beban kos perolehan yang ditanggung oleh ejen dan kami berharap satu kajian semula dapat dilakukan selepas pilihan raya nanti," katanya.

JAMIN juga berterima kasih kepada Perdana Menteri kerana sudi melancarkan persatuan itu baru-baru ini.

-- BERNAMA  
ZAI NAK